

# **TERMA DAN SYARAT**

## **KEMPEN PEMBAYARAN CUKAI TAKSIRAN MDHS**

### **MELALUI JOMPAY**

#### **PENGANJUR**

1. Kempen Pembayaran Cukai Taksiran MDHS Melalui JomPAY ini dianjurkan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor.

#### **KELAYAKAN**

1. Terbuka kepada semua pelanggan Majlis Daerah Hulu Selangor yang melunaskan cukai taksiran melalui JomPAY sahaja.
2. Terbuka kepada semua kategori pegangan.
3. Walau apa pun yang dinyatakan dalam fasal 1 dan 2 di atas, Majlis Daerah Hulu Selangor berhak membatalkan kelayakan pelanggan untuk menyertai, atau terus menyertai, kempen tanpa sebarang kewajipan untuk memberi sebarang sebab.

#### **TEMPOH KEMPEN**

1. Kempen Pembayaran Cukai Taksiran MDHS Melalui JomPAY ini bermula pada 01 Januari 2021 sehingga 30 April 2021, termasuk kedua dua tarikh, melainkan dimaklumkan selainnya.

## **SYARAT-SYARAT KEMPEN**

- 1. Untuk menyertai kempen, pelanggan hendaklah membuat bayaran cukai taksiran MDHS secara tanpa tunai menggunakan JomPAY sahaja.**
- 2. Tiada tunggakan cukai taksiran. Walau bagaimanapun, pelanggan yang menerima pengecualian cukai taksiran daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2021 dibenarkan menyertai kempen ini untuk pembayaran tunggakan sebelum tahun 2016 sahaja.**

## **CARA KEMPEN DIJALANKAN**

- 1. Pelanggan hendaklah membuat bayaran penuh cukai taksiran seperti yang tertera pada bil.**
- 2. Pembayaran cukai taksiran untuk tempoh sepenggal melayakkan pemilik untuk mendapat rebat sebanyak RM2.00.**
- 3. Pembayaran cukai taksiran untuk tempoh setahun melayakkan pemilik untuk mendapat rebat sebanyak RM8.00.**
- 4. Rebат akan dikreditkan ke dalam akaun harta pemilik selepas tamat tempoh kempen, tertakluk kepada sebarang perubahan dan baki peruntukan.**

## **UMUM**

- 1. Majlis Daerah Hulu Selangor berhak, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu, untuk menambah, memansuhkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atas budi bicara mutlak Majlis Daerah Hulu Selangor dengan memaparkan notis umum di laman sesawang rasmi Majlis Daerah Hulu Selangor di [www.mdhs.gov.my](http://www.mdhs.gov.my) atau dalam sebarang cara lain yang mungkin ditentukan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor atas budi bicara mutlaknya.**
- 2. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.**